

KITA MEMBINA SEBUAH NEGARA



Perdana Menteri Lee Kuan Yew menanam anak pokok batai di Balai Rakyat Tanjong Pagar, 12 Disember 1971.

Koleksi Kementerian Perhubungan dan Penerangan. Ihsan Arkib Negara.

Jubli Emas Singapura merupakan satu peluang bagi rakyat Singapura untuk merenung kembali sejarah negara ini dan juga sumbangan para pemimpin generasi perintis dari tahun-tahun awal kemerdekaan. Lebih dari 100 artifak yang belum pernah dilihat oleh orang ramai, serta gambar-gambar dan dokumen-dokumen akrib, akan dipamerkan bagi mendalami kepimpinan Perdana Menteri Singapura yang pertama, Lee Kuan Yew dan pasukan beliau yang telah memainkan peranan dalam pembangunan asas bagi Singapura moden.

Pameran ini bertujuan untuk menyelidik sepuluh tahun pertama kemerdekaan (1965–1975), suatu masa yang penting dalam membentuk sejarah Singapura dan juga peranan penting yang dimainkan oleh para pemimpin pengasas Singapura dalam membangunkan ekonomi, dasar luar negara dan diplomasi, keselamatan dan pertahanan, pendidikan, dan infrastruktur. Ia memberi penghormatan kepada sumbangan Lee Kuan Yew untuk Singapura, pencapaian beliau di peringkat antarabangsa, impian serta keyakinan yang membentuk beliau dan para pemimpin seperjuangan pada generasi itu.

Sorotan utama terdiri dari artifak-artifak yang didermakan oleh Estet Lee Kuan Yew, dokumen-dokumen dari Dr Goh Keng Swee yang pada mulanya di anggap sebagai barangan rahsia yang pada baru-baru ini diubahkan status dari Akrib Negara, serta dermaan dan pinjaman daripada keluarga-keluarga pemimpin pengasas Singapura.

Gambar muka depan: Kerja penambakan tanah di Marine Parade, sebelum pembinaan flat-flat Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB) bagi estet kediaman yang pertama di Singapura untuk dibina keseluruhannya di atas tanah tambak. 4 September 1974.

Mak Kian Seng/Akhbar 'The Straits Times'.

MAKLUMAT PELAWAT

Tempat Pameran

Galeri Stamford & Galeri Concourse, Aras 1

Waktu Operasi

Dibuka setiap hari dari 10 pagi hingga 7 malam

Bayaran Masuk

Masuk percuma bagi rakyat Singapura, Penduduk Tetap dan pelawat berusia 6 tahun dan ke bawah.

Pelancong dan Warga Asing

\$10 Orang Dewasa
\$5 Pelajar & Orang Lanjut Usia 60 tahun dan ke atas dengan Dokumen Pengenalan yang sah

Setiap tiket juga termasuk tiket masuk ke Galeri Sejarah Singapura dan semua galeri di Aras 2. Tiket-tiket boleh didapati dari Kaunter Perkhidmatan Pelawat dan kaunter SISTIC. Sila tunjukkan dokumen kelayakan untuk menikmati konsesi atau masuk percuma.

PENGHARGAAN

Panel Penasihat

Profesor Madya Albert Lau

Penderma Utama

Estet Lee Kuan Yew

Peminjam

Puan Noor Aishah
Puan Gloria Barker dan Keluarga
Encik Janadas Devan
Encik dan Puan Goh Kian Chee
Keluarga Mendiang Dr Goh Keng Swee
Keluarga Hon
Encik Mun Chor Seng
Encik Othman Wok

Muzium Nasional Singapura adalah sebuah institusi



Lawatan Berpandu

Sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pengunjung untuk Lawatan Berpandu bagi pameran ini

Akses untuk Kerusi Roda dan Tempat Menyimpan Barang

Lif menyediakan akses mudah ke galeri-galeri. Tempat menyimpan barang disediakan untuk kegunaan para pelawat. Sila bertanya di Kaunter Perkhidmatan Pelawat.

Lungsuri laman Muzium Negara

🌐 www.nationalmuseum.sg
📘 www.facebook.com/National.Museum.of.Singapore
🐦 twitter.com/natmuseum_sg

Untuk Pertanyaan

6332 3659 atau 6332 5642

Penderma Lain

Encik Lim Kiat Seng
Datuk Dr S. Vijayaratnam
S. Jothiratnam

Arkib Negara Singapura
Singapore Press Holdings Bhd
Kementerian Perhubungan dan Penerangan
Kementerian Pertahanan
Kementerian Pendidikan
Kementerian Sekitaran dan Sumber Air
Kementerian Ehwat Dalam Negeri
Taman Warisan Melayu
Pejabat Presiden

Disokong oleh



Selaras dengan hasrat Estet Lee Kuan Yew, petikan berikut diterbitkan semula daripada *Wasiat Terakhir Mendiang Encik Lee Kuan Yew, 17 Disember 2013*:

"Ia adalah hasrat saya dan hasrat mendiang isteri saya Kwa Geok Choo, bahawa rumah kami di 38 Oxley Road, Singapura 238629 dirobohkan segera selepas pemergian saya, atau, jika anak perempuan saya, Wei Ling, memilih untuk terus tinggal di rumah tersebut, dirobohkan segera selepas beliau tidak lagi tinggal di rumah itu."

KITA MEMBINA SEBUAH NEGARA RISALAH PAMERAN

N
S
National Museum
of Singapore



WE
BUILT
A
NATION

KELAHIRAN SEBUAH NEGARA

Singapura dilahirkan pada 9 Ogos 1965 hasil dari sifat nasionalisme anti-penjajah, kepahitan peperangan dan pemberontakan komunis. Selepas kemerdekaan, para pemimpin pengasas mengatasi rintangan-rintangan hebat untuk membangunkan negara dengan kumpulan para pendatang yang berbeza dari China, India, Malaya dan Hindia Timur Belanda. Sejak pemerintahan sendiri pada 1959, mereka memimpin negara ini melalui eksperimen singkat yang gagal iaitu penggabungan dengan Malaysia pada 1963 dan kemudian merundingkan perpisahan dengan Malaysia pada 1965. Merekalah kuasa penggerak di sebalik perubahan Singapura dari status negara Dunia Ketiga kepada negara Dunia Pertama.



Perbarisan Hari Kebangsaan di Dewan Bandar Raya, Yang di-Pertuan Negara Yusof Ishak, 3 Jun 1961
Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, Ihsan Arkib Negara Singapura

Nilai-nilai Bersama

Para pemimpin pengasas melambangkan “sebuah pemerintah yang jujur, berkesan, cekap dalam melindungi rakyatnya dan memberi peluang kepada semua orang untuk mempertingkatkan diri mereka dalam masyarakat yang stabil dan teratur, di mana mereka bakal mempunyai kehidupan yang baik dan dapat membesarkan anak-anak mereka dengan peluang yang lebih baik dari mereka.” Mereka berkongsi nilai-nilai seperti kewibawaan, amanah, kerja keras dan komitmen. Pengalaman merempuhi rusuhan kaum meyakinkan mereka bahawa Singapura mesti menjadi masyarakat yang berbilang bangsa dan budaya dan dapat memberikan semua rakyat Singapura tidak kira bangsa, bahasa atau agama taraf yang sama. Para pemimpin menyediakan asas-asas yang menjadi sandaran Singapura untuk terus berkembang maju dalam generasi-generasi yang akan datang.



Perdana Menteri Lee Kuan Yew dengan Timbalan Perdana Menteri Dr Toh Chin Chye mengunjungi kawasan undi Crawford, Rochor dan Kampong Glam, 20 Julai 1963
Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, Ihsan Arkib Negara Singapura

Misi untuk Berkhidmat

Seperti mana yang diamati Lee Kuan Yew pada 2000, “menguruskan sesebuah pemerintah serupa dengan memimpin orkestra. Tidak ada perdana menteri yang boleh membuat banyak pencapaian tanpa pasukan yang berkebolehan... Satu-satunya faktor yang pasti mengenai perkembangan Singapura adalah keupayaan para menterinya dan para pegawai perkhidmatan awam yang bermutu tinggi yang memberi sokongan kepada mereka”. Pasukan para pemimpin generasi pertama terdiri daripada orang-orang yang menyertai bidang politik kerana keyakinan mereka yang teguh.” Seperti mana yang beliau nyatakan dalam satu sidang akhbar tidak lama selepas kemerdekaan Singapura, “Kami semua adalah sama, dengan setiap orang mempunyai mistar hitung mereka sendiri, dan setiap orang mempunyai daya pemikiran mereka sendiri.”

“Saya mempunyai tanggungjawab terhadap penakatan dua juta orang di Singapura...Tugas saya yang paling utama ialah penakatan orang-orang di negara saya...Saya berazam bahawa mereka akan menakat dan saya fikir mereka mempunyai kecekalan yang cukup.”

LEE KUAN YEW, TEMU RAMAH DENGAN WARTAWAN-WARTAWAN ASING, 14 OGOS 1965



Perdana Menteri Lee Kuan Yew dengan Tunku Abdul Rahman di Lapangan Terbang Antarabangsa Paya Lebar sebelum Tunku berangkat ke London untuk rundingan penggabungan Singapura-Malaysia, 16 November 1961

Akhbar 'The Straits Times', Ihsan Singapore Press Holdings Berhad

“Dalam demokrasi, tidak boleh ada perbezaan antara hak majoriti dan hak minoriti. Hanya terdapat kesamarataan dalam hak, hak yang sama untuk semua, tidak kira bangsa, warna kulit, bahasa atau kepercayaan.”

S RAJARATNAM, UCAPAN MENGENAI LAPORAN SURUHANJAYA PERLEMBAGAAN 1966, DIBENTANGKAN DI PARLIMEN PADA 16 MAC 1967



Menteri Kebudayaan S Rajaratnam menyampaikan ucapan di Sambutan Hari Kemerdekaan di Dewan Bandar Raya, 5 Jun 1960

Ihsan Arkib Negara Singapura

“Terdapat aspek lain terhadap usaha pertahanan kita. Ia adalah satu sumbangan pada pembangunan negara...Tidak ada perkara lain yang boleh mewujudkan kesetiaan dan kesedaran nasional dengan lebih cepat dan lebih menyeluruh daripada penyertaan dalam pertahanan dan menjadi anggota angkatan bersenjata.”

DR GOH KENG SWEE, DALAM UCAPAN DI PARLIMEN MENGENAI AKTA PERKHIDMATAN NEGARA (PEMINDAAN), 1967



Dr Goh Keng Swee, Menteri Dalam Negeri dan Pertahanan, memeriksa kontinjen-kontinjen di Perbarisan Pentauliahian Institut Latihan Angkatan Bersenjata Singapura (SAFTI) di Pasir Laba, Jurong, 16 Julai 1967

Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, Ihsan Arkib Negara Singapura